



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6072
Faks: 03-8888 5124
Laman web : www.moe.gov.my

Rujukan Kami : KPM.100-1/4/2 Jld.4 (9)
Tarikh : **24** Mac 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu Dr./ Tuan/ Puan,

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL 1 TAHUN 2023: BANTUAN BIASISWA KECIL PERSEKUTUAN (BKP)

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Kewangan Bil 1 Tahun 2023: Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) ini bertujuan untuk menggariskan peraturan serta tatacara pengurusan BKP di Sekolah Kerajaan (SK) dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Selaras dengan keperluan semasa, SPK ini dipinda dan dikeluarkan sebagai panduan kepada semua peringkat bagi melancarkan proses pengurusan dan pelaksanaan BKP.

LATAR BELAKANG

2. Pengenalan
 - 2.1 BKP telah lama diperkenalkan oleh Kerajaan sejak tahun 1970-an atas dasar keprihatinan terhadap kebajikan murid yang bersekolah di SK dan SBK di bawah KPM berdasarkan kriteria dan syarat yang telah ditetapkan.
 - 2.2 BKP merupakan bantuan berbentuk kewangan sebagai anugerah kecemerlangan bagi murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, Tahun 1 dan Tahun 2 Kolej Vokasional dan Tingkatan 6 dari golongan keluarga berpendapatan rendah yang cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum serta mengekalkan tahap disiplin yang baik.

3. Objektif

- 3.1 Objektif pemberian BKP adalah sebagai suatu bentuk motivasi kepada murid dari golongan berpendapatan rendah supaya meningkatkan kecemerlangan dalam bidang akademik dan kokurikulum serta mengekalkan tahap disiplin yang tinggi.

TAFSIRAN

4. Dalam SPK ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain, maka tafsiran di bawah hendaklah diikuti:

- a) “**Cemerlang**” merupakan murid yang mencapai peratus minimum akademik dengan jumlah skor yang ditetapkan oleh KPM dalam garis panduan.
- b) “**Merit**” merupakan markah minimum pencapaian akademik yang dicampur dengan markah pendapatan dan kokurikulum mencapai peratus minimum keseluruhan yang telah ditetapkan dalam garis panduan.
- c) “**Bank**” merupakan institusi kewangan semasa yang dipersetujui oleh KPM dalam melaksanakan urusan BKP.
- d) “**Penerima Layak**” merupakan penerima yang telah dipilih melalui Jawatankuasa Bantuan Peringkat Sekolah (JBPS) dan Jawatankuasa Bantuan Peringkat Jabatan Pendidikan Negeri/ Bahagian Penyelaras BKP di KPM berdasarkan kepada kriteria kelayakan dan merit serta agihan peruntukan tahun semasa.
- e) “**Pendapatan**” merupakan pendapatan ibu dan bapa/ pendapatan penjaga utama dan penjaga kedua selaras dengan maklumat jumlah keseluruhan pendapatan penjaga dan penjaga kedua yang dikunci masuk ke dalam sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) atau sistem pengurusan maklumat murid seumpamanya yang digunapakai oleh KPM.

PELAKSANAAN

5. Syarat/ Kriteria Kelayakan

- 5.1 Kriteria kelayakan untuk tujuan permohonan BKP adalah seperti berikut:

- a) Murid warganegara Malaysia;

Nota: Penentuan taraf warganegara Malaysia adalah berdasarkan Kad Pengenalan. Sekiranya tiada bukti taraf kewarganegaraan Malaysia, penentuan taraf kewarganegaraan perlu dirujuk kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk pengesahan.

- b) Murid Tingkatan 1 hingga 6 (termasuk murid Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)) di semua SK dan SBK/ Murid Tahun 1 dan 2 di Kolej Vokasional KPM yang cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum berdasarkan merit tahun semasa;
- c) Jumlah pendapatan ibu dan bapa/ penjaga utama dan penjaga kedua berjumlah RM1,500 sebulan dan ke bawah; dan
- d) **TIDAK** menerima sebarang biasiswa/ elaun (insentif lain) secara bulanan daripada agensi kerajaan/ bukan kerajaan.

6. Kadar

6.1 Kadar bayaran bantuan BKP bagi setiap murid yang layak adalah seperti jadual berikut:

Tingkatan	Kadar Biasiswa (RM sebulan)	Bilangan Bulan	Kadar Tahunan (RM)
1 hingga 4 (Tahun 1 Kolej Vokasional)	70.00	12	840.00
5 (Tahun 2 Kolej Vokasional)	70.00	11	770.00

Tingkatan	Kadar Biasiswa (RM sebulan)	Bilangan Bulan	Kadar Tahunan (RM)
6 Bawah/ STAM	90.00 (Aliran Sastera)	7	630.00
	110.00 (Aliran Sains)		770.00
6 Atas	90.00 (Aliran Sastera)	11	990.00
	110.00 (Aliran Sains)		1,210.00

7. Tatacara Permohonan/ Penawaran/ Pembayaran

- 7.1 Penawaran BKP kepada murid adalah secara tahunan dan berdasarkan kriteria kelayakan yang telah ditetapkan.
- 7.2 Murid yang memenuhi kriteria kelayakan boleh memohon BKP melalui pihak sekolah. Tarikh dan tempoh permohonan berdasarkan takwim/ surat pemakluman yang dikeluarkan oleh BKew pada setiap tahun.
- 7.3 Murid yang masih memenuhi kriteria kelayakan dikehendaki membuat permohonan semula melalui sekolah untuk tahun yang seterusnya. Pembayaran BKP adalah melalui pengkreditan ke akaun bank murid. Pembayaran kepada murid yang berjaya akan dibuat untuk tahun semasa sahaja kerana sah laku tawaran adalah untuk satu sesi persekolahan sahaja.
- 7.4 Penjelasan mengenai tatacara permohonan/ penawaran/ pembayaran kepada murid yang layak serta keterangan mengenai tanggungjawab dan peranan di setiap peringkat hendaklah dirujuk dalam Garis Panduan (GP) BKP terkini yang dikeluarkan oleh Bahagian Kewangan (BKew).

8. Penggunaan/ perbelanjaan

- 8.1 Murid yang ditawarkan BKP perlu menggunakan wang biasiswa secara berhemah untuk perkara yang berkaitan dengan aktiviti persekolahan sahaja. Sekiranya murid didapati menggunakan wang yang diberikan untuk tujuan lain dan mengabaikan keperluan sekolah, surat amaran perlu dikeluarkan dan tindakan tarik balik penganugerahan boleh dibuat jika penyalahgunaan wang biasiswa dilakukan secara berterusan. Murid juga boleh disekat daripada mengemukakan permohonan pada tahun berikutnya oleh JBPS.
- 8.2 Penjelasan mengenai tatacara penggunaan/ perbelanjaan wang BKP biasiswa hendaklah dirujuk dalam GP BKP terkini yang dikeluarkan oleh BKew.

9. Kaedah Pelaksanaan

- 9.1 Pembayaran BKP kepada murid penerima yang layak dilaksanakan secara sekaligus pada tahun semasa melalui pengkreditan wang ke akaun bank murid.

9.2 Kaedah perakaunan dan tatacara pengurusan pembayaran BKP hendaklah dirujuk dalam GP BKP yang terkini yang dikeluarkan oleh BKew.

10. Keperluan Pelaporan

10.1 Pemantauan pengurusan BKP perlu dilaksanakan bagi memastikan semua prosedur pengurusan BKP dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi semua peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

11. Tanggungjawab & Peranan

11.1 Ketua Jabatan hendaklah memastikan pengurusan BKP diurus tadbir dengan baik, teratur dan mematuhi semua peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa. Tanggungjawab dan peranan setiap peringkat dalam pengurusan BKP hendaklah dirujuk dalam GP BKP yang terkini.

PENGURUSAN PERUNTUKAN

12. Kaedah penyaluran peruntukan

12.1 Pengurusan BKP di semua sekolah di bawah KPM dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Bahagian Penyelaras BKP di KPM pula dipertanggungjawabkan dalam menguruskan BKP bagi murid di sekolah/ institusi seliaan masing-masing.

12.2 BKew akan melaksanakan penyaluran peruntukan BKP setelah menerima Waran Am daripada Perbendaharaan Malaysia sebagaimana berikut:

Bahagian	Bahagian/ Institusi Pengajian/ Sekolah
Bahagian Kewangan	i. Pengkreditan ke Akaun Murid; dan ii. Bahagian Penyelaras BKP di KPM. <i>**Bahagian Penyelaras BKP perlu menguruskan bayaran di sekolah/ institusi pendidikan seliaan masing-masing</i>

13. Tatacara Tarik Balik/ Peruntukan

13.1 Bahagian penyelaras hendaklah memastikan peruntukan tahun semasa dibelanjakan secara optimum dan laporan prestasi perbelanjaan

hendaklah dikemukakan berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh BKew.

- 13.2 Tatacara penarikan balik penawaran dan pembatalan penganugerahan BKP hendaklah dirujuk dalam GP BKP yang terkini.

14. Tatacara Pemulangan Baki Peruntukan

- 14.1 Baki peruntukan tahun semasa setelah pembayaran bantuan BKP dilaksanakan **hendaklah dipulangkan semula** kepada BKew mengikut tempoh yang ditetapkan.

PEMAKAIAN

15. SPK ini merupakan punca kuasa umum dalam pengurusan BKP dan hendaklah dibaca bersama GP BKP terkini yang dikeluarkan oleh BKew bagi menjelaskan mengenai pengurusan BKP secara terperinci.
16. Pindaan pada SPK adalah di bawah kuasa Pegawai Pengawal manakala pindaan GP BKP adalah di bawah kuasa Setiausaha Bahagian, Bahagian Kewangan.
17. Perkara yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam SPK hendaklah dirujuk kepada Bahagian Kewangan, KPM untuk mendapatkan keputusan.

TARIKH KUAT KUASA

18. SPK ini berkuat kuasa mulai pada **21 Mac 2023**.

PEMBATALAN

19. Dengan berkuat kuasanya SPK ini, Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2017 No. Rujukan KPM.100-1/7/1 Jld.6(19) bertarikh 19 Januari 2017 adalah terbatal.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' INDERA NIK NASARUDIN BIN MOHD ZAWAWI)

Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

24 Mac 2023

s.k.:

1. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Dasar & Kurikulum)
3. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
4. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Operasi Sekolah)
5. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Pembangunan Profesionalisme)
6. Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan & Pembangunan)
7. Penasihat Undang- Undang KPM
8. Ketua Unit Komunikasi Korporat
9. Setiausaha Sulit Kanan YB Menteri

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Baru Tunjong
16101 Kota Bahru
KELANTAN DARUL NAIM

2. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
Bandar Indera Mahkota
25604 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR

3. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
70990 Seremban
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

4. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh
PERAK DARUL RIDZUAN

5. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700
PULAU PINANG

6. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E
Seksyen 4, 40604 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

7. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik
Off Jalan Bako
93050 Kuching
SARAWAK

8. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
Aras 10, Blok 4 Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat 81097
87020
WILAYAH PESEKUTUAN LABUAN
9. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN
10. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Wisma Pendidikan
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
JOHOR DARUL TAKZIM
11. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Jalan Istana
Peti Surat No. 62
75450 Bukit Beruang
MELAKA
12. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
01990 Kangar
PERLIS INDERA KAYANGAN
13. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan
Jalan Stadium
05100 Alor Setar
KEDAH DARUL AMAN
14. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
Persiaran Duta off Jalan Duta
50480
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

15. Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

Tingkat 4, Wisma Jabatan Pendidikan Sabah

Jalan Punat Tanah, Likas

88450 Kota Kinabalu

SABAH

16. Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya

Aras 7, Lobi 2, Blok E2

62604

WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA